

KESAN RUMUS “WAT” DALAM MEMBANTU MURID TAHUN LIMA MEMBINA AYAT GAMBAR TUNGGAL BAHASA MELAYU

Oleh

Zahratulnadirah Binti Ibrahim
zahratulibrahim@yahoo.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji kesan rumus “WAT” dalam membantu seorang murid Tahun Lima membina ayat gambar tunggal. Kajian ini juga bertujuan untuk menambah baik amalan saya dari segi pengajaran kemahiran membina ayat karangan bergambar tunggal Bahasa Melayu Tahun Lima menggunakan rumus “WAT”. Kaedah ini adalah berasaskan Hukum Latihan Thorndike (1906). Latihan diberikan berdasarkan kaedah ansur maju. Kaedah mengumpul data terdiri daripada pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Data dianalisis secara kandungan dan pola manakala penyemakan data adalah melalui triangulasi sumber. Hasil analisis menunjukkan rumus “WAT” berkesan membantu murid dalam membina ayat gambar tunggal dan menambah baik amalan kendiri saya dalam pengajaran dan pembelajaran pembinaan ayat gambar tunggal.

Kata kunci: Kesan Rumus “WAT”, ayat gambar tunggal, Hukum Latihan Thorndike, kaedah ansur maju, murid Tahun Lima

ABSTRACT

This research was conducted to investigate the effect of "WAT" formula in helping a Year Five pupil construct single picture sentences. This study also aimed to improve myself in teaching a Year Five pupil to construct single picture sentences using "WAT" formula. This method is based on Thorndike's Learning Theory (1906). The exercises were given based on the pupil's progress. Observations, document analysis and interviews were used to collect data. Data were analyzed based on content and pattern analysis, while checking of data were carried out through triangulation of sources. The analysis showed that "WAT" formula effectively assisted the pupil in constructing single picture sentences and improved my teaching practices of single picture sentences construction.

Key words: "WAT" formula, single picture sentences, Thorndike's Learning Theory, pupil's progress, Year Five pupil

PENGENALAN

Konteks

Saya selaku seorang guru pelatih dalam jurusan Bahasa Melayu Pendidikan Rendah, telah menjalani pelbagai latihan keguruan seperti Pengalaman Berasaskan Sekolah, Program Bina Insan Guru dan Praktikum. Pengalaman ini telah membentuk keperibadian saya sebagai seorang bakal guru. Saya mempelajari cara merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah. Saya turut didedahkan dengan pelbagai teori-teori dalam pedagogi.


Saya telah menjalani praktikum yang ketiga yang terletak di banda raya Kuching. Semasa mengajar di sekolah itu, saya mendapati salah seorang murid Tahun 5 Bijak iaitu Les (bukan nama sebenar) mempunyai masalah membina ayat gambar tunggal. Les(bukan nama sebenar) membina ayat yang tidak berkaitan dengan gambar. Oleh itu, saya telah mengambil keputusan untuk membantu Les dengan menggunakan rumus "WAT" secara latih tubi.

Isu Keprihatinan

Pada awal Praktikum Tiga, saya telah menyemak kertas peperiksaan penulisan Bahasa Melayu murid-murid Tahun 5 Bijak. Saya mendapati markah kertas peperiksaan penulisan bahasa Melayu kurang baik. Walaupun markah yang diperuntukkan bagi bahagian ini hanyalah 10 markah, tapi sekiranya bahagian ini tidak mendapat markah penuh, sudah tentu murid tidak mendapat gred A dalam peperiksaan penulisan Bahasa Melayu. Les, seorang murid yang agak pasif kerana dia mengalami masalah berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Les mempunyai kosa kata yang agak terhad dalam bahasa Melayu. Ini menyebabkan Les mendapat markah yang rendah dalam ujian tersebut. Selain itu, dia tidak tahu cara menulis ayat berdasarkan gambar yang diberi khususnya karangan bergambar. Karangan bergambar terbahagi kepada dua iaitu gambar tunggal dan gambar bersiri. Di sini saya fokuskan kepada masalah Les menulis ayat dalam karangan bergambar tunggal sahaja. Les dipilih kerana dia bersetuju untuk menjadi peserta kajian dan mempunyai azam untuk meningkatkan pencapaiannya.

Penyelidikan tindakan ini dijalankan adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam membina ayat oleh Les yang menghadapi masalah tersebut. Saya memfokuskan kajian saya terhadap Les dengan tujuan membantu meningkatkan prestasi Les dalam kemahiran membina ayat karangan bergambar tunggal. Saya menggunakan satu rumus iaitu 'WAT' untuk memudahkan pemahaman Les terhadap teknik pembinaan ayat yang betul. Saya telah memberikan bimbingan individu kepada Les pada waktu rehat.

Saya mengenal pasti kelemahan Les semasa menjalankan sesi P&P dalam kelas apabila murid-murid diminta untuk membina ayat melalui dua cara iaitu secara lisan semasa sesi soal jawab dan secara bertulis semasa sesi membuat latihan menulis. Rajah 1 menunjukkan contoh hasil kerja Les (9 Februari 2012) sebelum rumus 'WAT' diperkenalkan.



Rajah 1. Data awal menunjukkan masalah Les.

Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk:

- membantu Les dalam menguasai kemahiran membina ayat gambar tunggal Bahasa Melayu Tahun Lima; dan
- menambah baik amalan pengajaran saya dalam membina ayat gambar tunggal Bahasa Melayu Tahun Lima.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah:

- Apakah kesan rumus "WAT" terhadap Les dalam membina ayat gambar tunggal Bahasa Melayu Tahun Lima?
- Bagaimanakah saya boleh mengaplikasikan rumus "WAT" untuk menambah baik amalan mengajar membina ayat gambar tunggal Bahasa Melayu Tahun Lima?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan



Adrian Steward Ngau (2010), telah membuat kajian tentang Kesan Rumus 'Pelaku + Perbuatan + Huraian' Dalam Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Karangan Bahagian A UPSR Bahasa Melayu Murid Tahun 4. Pada pendapat saya, rumus ini tidak dapat digunakan untuk semua jenis gambar kerana tidak semua gambar meminta murid menulis ayat untuk menerangkan perbuatan dalam gambar. Oleh itu, saya telah membuat sedikit pengubahsuaian terhadap rumus ini supaya rumus ini dapat digunakan untuk gambar tunggal.

Hukum Latihan Thorndike (1906) ada menyatakan bahawa, pertalian antara rangsangan dan gerak balas akan bertambah kukuh jika latihan, aplikasi serta aktiviti pengukuhan diberikan. Hukum ini saya terapkan dalam penggunaan rumus "WAT" secara latih tubi selain daripada rumus "WAT" menjadi bahan rangsangan pembelajaran.

Mengikut Teori Pembelajaran Gagne (1974), terdapat susunan urutan pelbagai kemahiran kecerdasan dan tiap-tiap satunya adalah syarat mutlak untuk menguasai sesuatu kemahiran sebelumnya. Kemahiran kecerdasan pertama dalam pembelajaran diskriminasi iaitu membezakan simbol-simbol. Setelah menguasai kemahiran ini, barulah dapat membentuk konsep. Dalam pembelajaran konsep, murid mestilah membuat diskriminasi antara unsur, kemudian mengelas dan membahagikan unsur itu dalam kumpulan untuk membentuk hukum. Oleh itu, kemahiran kecerdasan membolehkan seseorang 'mengetahui bagaimana' hendak melakukan sesuatu tindakan dan bukan hanya semata-mata 'mengetahui apa' keadaan yang wujud. Ini bermakna kemahiran kecerdasan meliputi pelbagai unit maklumat berbahasa seperti fakta, tarikh, simbol dan huraihan serta kebolehan menggunakan maklumat itu. Teori Pembelajaran Gagne saya terapkan dalam menghasilkan rumus "WAT". Melalui peta minda tentang rumus "WAT", murid perlu tahu membezakan simbol "W", "A" dan "T" untuk membentuk konsep. Setelah memahami konsep ini, barulah murid dapat mengetahui bagaimana untuk membina ayat gambar tunggal.

Pelaksanaan Tindakan

Penyelidikan tindakan dilaksanakan semasa sesi P&P secara langsung di dalam kelas dan di luar waktu P&P. Tempoh pelaksanaan penyelidikan tindakan ini adalah dari 2 April 2012 hingga 11 April 2012.

<p>Langkah 1: Memperkenalkan rumus "WAT" dan memberikan Latihan 1 iaitu latihan mengenal pasti elemen "WAT" dalam gambar.</p>  	<p>Langkah 2 : Latihan 2 iaitu membina satu ayat berdasarkan gambar.</p> 
--	--

<p>Langkah 3 : Latihan 3 iaitu membina dua ayat berdasarkan gambar.</p> <p>Bina dua ayat berdasarkan gambar.</p> <p>1. Ibu sedang mengelakkan bocah dari buku yang jatuh. 2. Bocah sedang membaca buku yang berada di atas meja.</p> <p>orang</p> <p>1. Dua lelaki sedang berlari dari seseorang yang sedang berjalan-jalan. 2. Dua lelaki sedang berlari dari seseorang yang sedang berjalan-jalan.</p> <p>1. Lelaki sedang mengangkat sepatu kain di tepi jalan. 2. Lelaki sedang membeli buku di kedai buku.</p> <p>orang</p> <p>1. Mereka adalah sedang mengelakkan orang yang datang ke rumah. 2. Dua lelaki sedang mengelakkan orang yang datang ke rumah.</p> <p>1. Ah dan Ah Cheng sedang mendekati mereka kerana mereka bersikap buruk. 2. Ah dan Ah Cheng sedang membela diri kerana mereka bersikap buruk.</p>	<p>Langkah 4: Latihan 4 iaitu membina tiga ayat berdasarkan gambar.</p> <p>Bina tiga ayat berdasarkan gambar.</p> <p>1. Dua orang budak perempuan sedang berlari. 2. Tiga lelaki sedang mengelakkan orang yang sedang berjalan-jalan.</p> <p>1. Pak Ali kemas sedang mengelakkan orang yang datang ke rumah. 2. Pak Ali kemas sedang mengelakkan orang yang datang ke rumah. 3. Pak Ali sedang melaraskan diri di hadapan orang yang datang ke rumah.</p> <p>orang</p> <p>1. Keluarga Apie sedang mencuci di dapur. 2. Apie sedang berjalan-jalan. 3. Ibu Adik dan abang buat rangkaian makanan di dapur.</p> <p>1. Anak sedang berjalan-jalan di dalam rumah. 2. Seorang wanita sedang berjalan-jalan di dalam rumah.</p> <p>1. Pak Ali sedang mengelakkan orang yang datang ke rumah. 2. Pak Ali sedang mengelakkan orang yang datang ke rumah.</p>
<p>Langkah 5: Latihan 5 iaitu membina lima ayat berdasarkan gambar.</p> <p>Jawab! Ingat berdasarkan gambar di bawah.</p> <p>A. Apie sedang membaca buku di depannya. B. Apie sedang menulis di depannya. C. Apie sedang mengambil buku di dalam ruang. D. Apie sedang mengambil buku di tepi dinding. E. Apie sedang mengambil buku di tepi dinding. F. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. G. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. H. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. I. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. J. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. K. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. L. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. M. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. N. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. O. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. P. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. Q. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. R. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. S. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. T. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. U. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. V. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. W. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. X. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. Y. Apie sedang membaca buku di tepi dinding. Z. Apie sedang membaca buku di tepi dinding.</p> <p>B. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. C. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. D. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. E. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. F. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. G. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. H. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. I. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. J. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. K. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. L. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. M. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. N. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. O. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. P. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. Q. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. R. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. S. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. T. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. U. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. V. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. W. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. X. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. Y. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku. Z. Apie sedang mengambil buku di dalam rak buku.</p>	<p>Langkah 6: Penilaian iaitu membina lima ayat berdasarkan gambar.</p> <p>Lihat gambar di bawah dengan teliti. Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti dalam gambar di bawah.</p> <p>WAT</p> <p>PERAKITAN BERSAMA</p> <p>PERAKITAN INDIVIDUAL</p> <p>1. Ada banyak buku di kedai buku. 2. Jenny, Lea membaca buku di dalam kedai buku. 3. Avril sedang berjalan-jalan ke arah meja mencari buku di Ali. 4. Bob sedang depan Pak Cik Ali. 5. Fazil sedang hadapan rak buku.</p> <p>Buku! Ada peningkatan.</p>

Rajah 2. Langkah-langkah pelaksanaan tindakan bermula 2 April 2012 hingga 11 April 2012.

Rajah 2 menunjukkan langkah-langkah pelaksanaan tindakan bermula dengan memperkenalkan rumus "WAT" dan diikuti dengan Latihan 1. Latihan 1 meminta murid untuk mengenal pasti elemen "WAT" dalam gambar dan membina satu ayat berdasarkan gambar tersebut. Latihan 2 pula meminta murid untuk membina satu ayat berdasarkan gambar manakala Latihan 3 meminta murid untuk membina dua ayat berdasarkan gambar. Latihan 4 merupakan latihan membina tiga ayat berdasarkan gambar. Latihan 5 merupakan latihan membina lima ayat berdasarkan gambar manakala langkah terakhir ialah ujian penilaian.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian ini telah melibatkan saya sendiri sebagai penyelidik dan seorang murid Tahun 5 Bijak. Saya juga terlibat secara langsung dalam kajian ini kerana menurut Kemmis dan McTaggart (1988), proses kajian tindakan melibatkan refleksi ke atas isu P&P yang hendak ditangani. Les dipilih menjadi peserta kajian kerana dia mempunyai masalah membina ayat gambar tunggal seperti yang dikenal pasti semasa tinjauan awal.

Etika Penyelidikan

Sebelum penyelidikan tindakan dijalankan, pihak institut telah pun memberi surat pemberitahuan kepada pihak sekolah tentang keperluan pelaksanaan penyelidikan tindakan di sekolah berkenaan. Saya pula telah memberikan penerangan secara lisan kepada Les tentang hak-hak beliau sebagai peserta kajian dan disusuli dengan dua helai surat kebenaran yang perlu ditandatangani oleh ibu bapa atau penjaga Les dan untuk dirinya sendiri. (Sila rujuk Rajah 8)

<p>Surat persetujuan penyertaan dalam penyelidikan</p> <p>Surat Persetujuan Penyertaan dalam Penyelidikan Tindakan</p> <p>Saya _____ dari kelas _____ bersetuju/tidak bersetuju (*) untuk terlibat sebagai peserta dalam kajian berkenaan dengan Kesan Rumus WAT Dalam Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Karangan Bergambar Tunggal Bahasa Melayu Murid Tahun 5. Saya telah ditaklimatkan tentang kesan penglibatan saya dalam kajian ini dan sedia maklum bahawa saya boleh menarik diri bila-bila masa diperlukan tetapi perlu dimaklumkan terlebih dahulu kepada Cikgu Zahratulnadirah Binti Ibrahim, Pengkaji Penyelidikan Tindakan ini.</p> <p>Saya juga sedia maklum bahawa maklumat peribadi saya akan dirahsiakan. Hasil kerja harian saya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah dipantau dan akan digunakan dalam penulisan laporan penyelidikan berkaitan. Namun, saya mempunyai hak untuk membeca laporan tersebut untuk tujuan penyemakan.</p> <p>Sekian.</p> <p>TANDA TANGAN, </p> <p>Tarikh: _____ Nombor telefon: _____</p> <p>Zahratulnadirah Binti Ibrahim/ PISMP BM Jan'09, IPGKBL 2012</p>	<p>Surat persetujuan penyertaan dalam penyelidikan</p> <p>Surat Kebenaran Penyertaan dalam Penyelidikan Tindakan</p> <p>Saya _____ bersetuju/tidak bersetuju (*) untuk membenarkan anak/jagaan saya terlibat sebagai peserta dalam kajian berkenaan dengan Kesan Rumus WAT Dalam Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Karangan Bergambar Tunggal Bahasa Melayu Murid Tahun 5. Saya sedia maklum tentang kesan penglibatan anak/jagaan saya dalam kajian ini dan sedia maklum bahawa anak/jagaan saya boleh menarik diri bila-bila masa diperlukan tetapi perlu dimaklumkan terlebih dahulu kepada Cikgu Zahratulnadirah Binti Ibrahim, Pengkaji Penyelidikan Tindakan ini.</p> <p>Saya juga sedia maklum bahawa maklumat peribadi anak/jagaan saya akan dirahsiakan. Hasil kerja harian anak/jagaan saya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah dipantau dan akan digunakan dalam penulisan laporan penyelidikan berkaitan. Namun, saya mempunyai hak untuk membeca laporan tersebut untuk tujuan penyemakan.</p> <p>Sekian.</p> <p>TANDA TANGAN, </p> <p>Tarikh: _____</p> <p>Zahratulnadirah Binti Ibrahim/ PISMP BM Jan'09, IPGKBL 2012</p>
---	--

Rajah 3. Contoh surat kebenaran ibu bapa dan peserta kajian.

Teknik Mengumpul Data

Saya telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual untuk memperoleh data tentang tindakan yang dijalankan.

Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan semasa P&P dan luar waktu P&P dijalankan. Pemerhatian telah saya terjemahkan dalam bentuk nota lapangan. Ini bertujuan untuk mencatat peristiwa yang berkaitan dengan tingkah laku peserta kajian saya. Berdasarkan nota lapangan ini, saya dapat membuat refleksi dan merangka tindakan susulan dalam tindakan selanjutnya.

Analisis dokumen


Saya menggunakan analisis dokumen dalam bentuk lembaran kerja. Peserta kajian saya telah membuat lima lembaran kerja sebelum diberikan ujian penilaian bertulis. Analisis dokumen ini dapat memberikan gambaran tentang prestasi dan perkembangan Les setelah rumus "WAT" diperkenalkan dalam membantunya membina ayat gambar tunggal.

Temu bual

Dalam temu bual, saya telah menggunakan temu bual separa struktur. Temu bual jenis ini lebih mudah digunakan untuk mencungkil maklumat daripada murid kerana murid perlu diberikan pelbagai jenis soalan untuk memahami maksud sebenar yang hendak disampaikan. Soalan yang tidak dirancang juga perlu untuk mendapatkan maklumat yang tidak dijangka daripada peserta kajian. Salah satu contoh temu bual tidak berstruktur yang saya gunakan adalah semasa menemu bual Les untuk mengetahui kebolehgunaan rumus "WAT" pada 2 April 2012.

Teknik Menganalisis Data

Saya telah menggunakan analisis kandungan dan analisis pola. Terdapat dua jenis pola iaitu pola persamaan dan pola perbezaan. Saya menganalisis kandungan lembaran kerja Les. (Sila rujuk Rajah 4 dan Rajah 5.)



Rajah 4. Hasil analisis kandungan Latihan 3.

Rajah 4 menunjukkan hasil analisis kandungan Latihan 3 yang telah dibuat oleh Les. Hasil analisis menunjukkan bahawa Les menulis ayat pertama bagi gambar keempat dengan betul dan menggunakan rumus "WAT". Namun begitu, ayat kedua bagi gambar tersebut ditulis dengan betul tetapi tidak melengkapkan rumus "WAT". Maksudnya di sini, Les masih belum sebatik dalam mengaplikasikan rumus berkenaan dalam membina ayat gambar tunggal. Ayat tersebut masih dianggap betul tetapi tiadauraian tentang aktiviti dalam gambar berkenaan.

Di sini, analisis pola persamaan dan pola perbezaan digunakan bagi membanding beza tahap pencapaian peserta kajian. (Sila rujuk Rajah 5)

Latihan	W	A	T	Ayat
Latihan 2: Bina satu ayat berdasarkan gambar di bawah.	Watak (Kata Nama)	Aktiviti (Kata Kerja)	Tempat (Kata arah/ Frasa Sendi Nama /Nama tempat)	
Gambar 1	/	X	X	<input checked="" type="radio"/>
Gambar 2	/	X	/	<input checked="" type="radio"/>
Gambar 3	/	/	/	<input type="checkbox"/>
Gambar 4	/	/	/	<input type="checkbox"/>
Gambar 5	/	/	/	<input checked="" type="radio"/>
Catatan	1. Masih lagi kekurangan kosa kata untuk menerangkan 'A' dalam gambar. 2. Terdapat kesalahan ejaan (Gambar 1 dan Gambar 2)			
Tindakan susulan	1. Terangkan kesalahan yang dilakukan oleh Les. 2. Uji semula dengan membuat semula latihan 2.			
Petunjuk : / - betul x - salah o - tiada				

Latihan	W	A	T	Ayat
Latihan semula bagi Latihan 2: Bina satu ayat berdasarkan gambar di bawah.	Watak (Kata Nama)	Aktiviti (Kata Kerja)	Tempat (Kata arah/ Frasa Sendi Nama /Nama tempat)	
Gambar 1	/	/	/	<input checked="" type="radio"/>
Gambar 2	/	/	/	<input checked="" type="radio"/>
Gambar 3	/	/	/	<input type="checkbox"/>
Gambar 4	/	/	/	<input type="checkbox"/>
Gambar 5	/	x	/	<input checked="" type="radio"/>
Catatan	1. Boleh mengenal pasti WAT dalam gambar tetapi melakukan kesalahan ejaan dan penggunaan imbuhan yang menyebabkan maksud ayat yang dibina bertentangan dengan perihal yang terdapat dalam gambar. (Gambar 5)			
Tindakan susulan	1. Minta Les meneliti kesalahan yang telah diperbetulkan oleh guru sebagai peringatan dalam latihan seterusnya.			
Petunjuk : / - betul x - salah o - tiada				

Persamaan

Perbezaan


Rajah 5. Pola persamaan dan pola perbezaan hasil analisis Latihan 2 yang telah dibuat oleh Les.

Teknik Menyemak Data

Dalam penyemakan data, saya menggunakan triangulasi sumber untuk membina keyakinan terhadap kredibiliti data yang saya kumpulkan dan analisis.

Triangulasi sumber telah saya jalankan bersama rakan penyelidik saya iaitu Amirah Khairunnisa Jaafar. Beliau telah membantu saya menyemak semula Latihan 2 yang

dibuat oleh Les pada 3 April 2012. Rajah 6 menunjukkan satu contoh triangulasi sumber antara Amirah dan saya.



Rajah 6. Triangulasi sumber. (3 April 2012).


Rajah 6 jelas menunjukkan hasil semakan rakan penyelidik dan hasil semakan saya sendiri.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- **Apakah kesan rumus “WAT” terhadap Les dalam membina ayat gambar tunggal Bahasa Melayu Tahun Lima?**

Hasil analisis menunjukkan rumus “WAT” membantu Les membina ayat gambar tunggal Bahasa Melayu Tahun Lima. Ini dapat dilihat dalam Rajah 7 (a) dan Rajah 7 (b).



WAT
Lihat gambar di bawah dengan teliti.
Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti dalam gambar di bawah.

Handwritten notes below the image:

- 1. Ada banyak orang di kedai buku kerana ada Pameran Buku.
- 2. Jenny, Lea dan Pak Cik Ali sedang membaca buku di dalam kedai buku.
- 3. Avril sedang berjalan ke arah kaunter untuk membayar buku.
- 4. Bob sedang mencari buku di depan Pak Cik Ali.
- 5. Faizul sedang memilih buku di hadapan rak buku.

Bottom note: Baik! Ada peringkatan.

ramai

1. Ada banyak orang di kedai buku kerana ada Pameran Buku. ✓
2. Jenny, Lea dan Pak Cik Ali sedang membaca buku di dalam kedai buku. ✓
3. Avril sedang berjalan ke arah kaunter untuk membayar buku. ✓
4. Bob sedang mencari buku di depan Pak Cik Ali. ✓
5. Faizul sedang memilih buku di hadapan rak buku. ✓

Rajah 7 (a). Kesan rumus "WAT" membantu Les membina ayat berdasarkan gambar tunggal Bahasa Melayu bagi ujian penilaian (11 April 2012).

Penilaian	W	A	T	Ayat
Arahan: Lihat gambar di bawah dengan teliti. Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti dalam gambar di bawah.	Watak (Kata Nama)	Aktiviti (Kata Kerja)	Tempat (Kata arah/ Frasa Sendi Nama /Nama tempat)	
Ayat 1	/	/	/	/
Ayat 2	/	/	/	/
Ayat 3	/	/	/	/
Ayat 4	/	/	/	/
Ayat 5	/	/	/	/
Catatan	1. Késemua elemen dalam rumus WAT ada dalam setiap ayat yang dibina. 2. Struktur ayat lebih baik berbanding Latihan 1. 3. Penggunaan rumus WAT memang telah membantu Les dalam membina ayat berdasarkan gambar tunggal dalam Bahasa Melayu. 4. Kesalahan kecil seperti kesilapan penggunaan kata bilangan untuk orang. 5. Kekeliruan kata nama am dan kata nama khas.			
Tindakan susulan	1. Sekiranya mempunyai kesempatan pada masa akan datang, saya boleh fokus kepada masalah kekeliruan kata nama am dan kata nama khas.			
Petunjuk :	I / - betul x - salah o - tiada			
Catatan ini menunjukkan bahawa Les telah berjaya membina kelima-lima ayat berdasarkan gambar dengan betul dengan menggunakan rumus "WAT".				

Rajah 7 (b). Hasil positif terhadap Les setelah menggunakan rumus "WAT" (11 April 2012).

Rajah 7 (a) menunjukkan ayat-ayat yang telah dibina oleh Les menggunakan rumus “WAT”. Rajah 7 (b) pula memperlihatkan bahawa kesemua ayat yang dibina oleh Les adalah betul dan menepati elemen-elemen yang terdapat dalam rumus “WAT”.

- **Bagaimanakah saya boleh mengaplikasikan rumus “WAT” untuk menambah baik amalan mengajar membina ayat gambar tunggal Bahasa Melayu Tahun Lima?**

Semasa saya membantu murid-murid saya melalui tindakan dalam kajian ini, saya telah menjadi lebih matang dalam amalan pengajaran saya dari pelbagai aspek. Penggunaan rumus WAT telah membantu saya memperbaiki masalah peserta kajian saya dalam membina ayat berdasarkan gambar tunggal. Saya tidak perlu lagi risau akan Les yang sebelum ini menulis perihal yang tidak terdapat dalam gambar kerana rumus ini menjadi landasan untuk Les membina ayat. Saya hanya perlu menyebut ‘WAT’ untuk memberikan panduan kepada Les untuk membina ayat.

Saya telah menunjukkan kemajuan dari segi sikap saya terhadap murid-murid. Saya telah menjadi lebih sabar kerana saya perlu memberikan masa kepada peserta kajian betul-betul menguasai kemahiran yang diajar. Walaupun tidak semestinya hasil penyelidikan tindakan yang dijalankan mendapat hasil yang positif, tapi saya telah meletakkan harapan yang tinggi terhadap peserta kajian saya untuk membantunya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

Saya juga memperkenalkan kaedah berpusatkan bahan. Ini dapat dilihat melalui lembaran-lembaran kerja dan pengurusan grafik yang telah saya hasilkan.

Selain itu, hubungan saya dan murid saya semakin akrab. Walaupun saya memberikan fokus yang lebih terhadap Les, saya juga tetap memberikan rumus ini dan lembaran kerja yang sama kepada murid lain agar semua murid mendapat manfaat yang sama seperti Les.

Refleksi Penilaian Tindakan

Semasa berlangsungnya penyelidikan tindakan ini, saya amat berpuas hati dengan segala kerjasama yang telah diberikan oleh peserta kajian dan termasuk murid-murid Tahun 5 Bijak yang saya ajar. Walaupun peserta kajian saya ini telah menunjukkan sikap yang mudah berputus asa apabila menemui kegagalan, rumus “WAT” membantu saya untuk menarik perhatiannya agar dapat menumpukan perhatian terhadap apa yang hendak saya sampaikan terutamanya dari segi penggunaan rumus ini dalam mengatasi kelemahannya dalam membina ayat berdasarkan gambar tunggal.

Dapatkan kajian saya seperti yang telah dijelaskan lebih awal menunjukkan murid yang telah dipilih sebagai peserta kajian telah menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan. Melalui latihan-latihan yang telah saya jalankan, Les telah menunjukkan kesalahan dalam membina ayat berdasarkan gambar walaupun telah ditegur. Namun dalam ujian akhir, Les telah menunjukkan prestasi yang baik dan telah berjaya menulis ayat dengan betul. Kesemua ayat iaitu lima daripada lima ayat yang dituliskan betul. Les juga telah mengaplikan rumus “WAT” dalam kelima-lima ayat tersebut.

Selain Les, murid-murid lain juga telah menunjukkan peningkatan dalam membina ayat berdasarkan gambar tunggal dengan baik. Ternyata bahawa penyelidikan tindakan yang telah dilaksanakan ini bukan sahaja telah memberikan kesan kepada peserta kajian saya, malah juga kepada murid-murid lain yang turut serta dalam P&P yang telah saya jalankan.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Penyelidikan tindakan ini telah membawa banyak implikasi terhadap amalan kendiri saya. Saya telah mula menggunakan teknik menemu bual murid untuk mengetahui masalah sebenar yang dihadapi murid serta pendapat dan perasaan murid mengenai P&P saya. Hubungan sosial yang baik antara guru dengan murid dapat memanfaatkan kedua-dua pihak semasa p&p berlangsung.

Penyelidikan tindakan ini juga mendidik saya untuk sentiasa berusaha mencari jalan terbaik untuk memperbaiki pengajaran saya ini adalah untuk membantu peserta kajian mengatasi kelemahannya.

Selain itu, saya menjadi lebih sistematik dalam menyimpan rekod perkembangan murid berbanding sebelum ini. Saya telah menyediakan fail untuk menyimpan semua rekod-rekod berkaitan penyelidikan tindakan ini.

Cadangan Tindakan untuk Kitaran Seterusnya

Berdasarkan pencapaian positif dalam penyelidikan tindakan ini, saya mendapati rumus "WAT" ini boleh digunakan lagi dalam membantu murid-murid lain dalam mengatasi masalah mereka dalam penulisan. Saya boleh mengaplikasikan kaedah ini di sekolah yang akan saya ajar kelak dan pada masa itu, saya boleh melihat kebolehgunaan kaedah ini terhadap sekolah lain serta impaknya terhadap murid-murid yang berbeza dari pelbagai tahap termasuklah tahap pencapaian akademik, tahap umur, serta tahap sosioekonomi.

Sekiranya saya mengajar murid-murid yang sama di sekolah ini, saya bercadang untuk menggunakan cara yang lebih mudah iaitu mencetak nota rumus "WAT" itu dalam bentuk yang lebih mesra pengguna seperti risalah yang lebih tahan lasak untuk diedarkan kepada murid-murid yang terlibat sebagai peserta kajian. Walaupun cara ini akan memerlukan kos yang lebih tinggi, namun cara ini adalah lebih mudah untuk murid-murid kerana risalah tersebut boleh dibawa ke mana-mana sebagai rujukan di rumah semasa menjawab latihan yang diberikan sebagai kerja rumah.

Dalam kajian seterusnya, saya juga bercadang untuk memperbaiki rumus ini dengan menitikberatkan bahagian penerbitan kata, khususnya dalam penerbitan kata kerja. Ini boleh dilakukan dengan mengajar asas pembinaan kata kerja dengan menggunakan kata imbuhan. Kata imbuhan mempunyai peranan tersendiri dalam pembentukan kata kerja dalam bahasa Melayu. Menurut Liaw Yock Fang (1999):

"Affixation is an important aspect of the Malay verbal system. Indeed, some linguist even argue that all Malay verb must use an affix. Nevertheless they also agree that a number of verbs which refer to an involuntary state of mind or everyday activities (Easy Indonesian Vocabulary, p. 21) do not usually take an

affix. There are also occasions when a verb can be used with or without its affix." (ms 100)

Petikan tersebut mengatakan bahawa, kata imbuhan adalah salah satu aspek penting di dalam percakapan bahasa Melayu. Malahan, sesetengah pakar bahasa menekankan bahawa semua kata kerja bahasa Melayu mesti digunakan bersama kata imbuhan. Walau bagaimanapun, mereka juga bersetuju bahawa terdapat beberapa jenis kata kerja yang tidak memerlukan penambahan yang merujuk kepada pemikiran yang tidak sengaja atau aktiviti harian. Terdapat juga keadaan di mana kata kerja boleh digunakan bersama kata imbuhan atau tanpa kata imbuhan.

Pada pandangan saya, sekiranya murid berjaya menguasai pembinaan kata kerja dengan baik, sudah tentu mereka tidak ada masalah untuk murid menggunakan rumus "WAT" dalam membina ayat berdasarkan gambar.

RUJUKAN

- Mohd Nor Izwan Sulaiman. (2009). *Aktiviti pemulihan penulisan*. Diperoleh pada 19 Oktober 2012 daripada <http://mohdnorizwansulaiman.blogspot.com/2009/05/50-pemulihan-tulisan.html>
- Norhadi Sarponen. (2009). *Kemahiran asas menulis*. Diperoleh pada 20 Oktober 2012 daripada <http://cikguhaidi.wordpress.com/category/bahan-bantu-mengajar/html>
- Pressey & Pressey. (1926). Analyses of Three Thousand Illegibilities in the Handwriting of Children and Adults, *Educational Research Bulletin*, 6 (13).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Buku Panduan Guru Bahasa Malaysia Tahun 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adrian Steward Ngau. (2010). Kesan Rumus 'Pelaku + Perbuatan + Huraian' Dalam Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Karangan Bahagian A UPSR Bahasa Melayu Murid Tahun 4. *Buku Koleksi Artikel Penyeidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, 27-36.
- Chuah Kim Hwa. (2010). Satu, empat atau 42?: Menyingkap isu peserta kajian dalam pelaksanaan penyelidikan tindakan. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2010*, 4, 85-108.